

1984

KUALALUMPUR, 30 OKT. (BERNAMA) -- SUNGGUHPUN BANK-BANK PERDAGANGAN DOMESTIK MENGUASAI ARINA KEGIATAN BANK DI MALAYSIA DISEBABKAN JUMLAHNYA YANG BANYAK TETAP X BANK-BANK ITU KETINGGALAN DARISEGI KECEKAPAN DAN KEUNTUNGAN KALAU DIBANDINGKAN DENGAN BANK-BANK PERSYARIKATAN ASING YANG LEBIH KECIL, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI.

PERDANA MENTERI MEMBERITAHU AHLI-AHLI BANK YANG MENGHADAIRI MAJLIS MAKAN MALAM DI SINI BAHAWA DALAM TAHUN 1982 BANK-BANK DOMESTIK CUMA MEMPEROLEHI KEUNTUNGAN BERSIH SEBANYAK \$19,000 BAGI SEORANG PEKERJA BERBANDING \$32,000 YANG DIDAPATI OLEH BANK-BANK ASING.

PADAHAL HAKIKATNYA KOS KAKITANGAN BAGI SETIAP PEKERJA BANK-BANK ASING ADALAH LEBIH TINGGI IAITU HAMPIR 40 PERATUS.

BANK-BANK DOMESTIK MENGUMPULKAN 74.5 PERATUS DARIPADA JUMLAH DEPOSIT YANG DIGEMBLENGKAN DAN 67.2 PERATUS DARIPADA KREDIT BANK YANG DIBERIKAN.

MASANYA SUDAH TIBA BAGI BANK-BANK DOMESTIK SUPAYA MENYEDARI KEADAAN TERSEBUT DENGAN MENGAMBIL KIRA BAHAWA TIDAK ADA INSTITUSI KEWANGAN YANG BERTINDAK SAMBIL LEWA DALAM KEADAAN PERSAINGAN YANG KIAN MENCABAR.

BAGAIMANAPUN DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMUJI SEKTOR KEWANGAN KERANA SENTIASA MENGATASI KEADAAN EKONOMI YANG LAIN DALAM MASA EMPAT TAHUN BERLAKUNYA KEMELESTAN EKONOMI ANTARABANGSA.

NILAI YANG DITAMBAH OLEH SEKTOR INI TELAH MENINGKAT MENGIKUT PURATA 7.3 PERATUS BAGI SEKTOR PEMBUATAN YANG, KIAN BERKEMBANG MAJU.

SEJAK TAHUN 1979, PEKERJAAN DALAM BANK-BANK PERDAGANGAN SAHAJA TELAH MENINGKAT SECARA PURATA SEBANYAK 12.9 PERATUS SETAHUN SEHINGGA MENCAMPAI HAMPIR 35,000 ORANG PADA AKHIR TAHUN LALU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA JUMLAH HARTA MENINGKAT DARIPADA \$25 RIBU JUTA DALAM TEMPOR YANG SAMA KEPADA \$60 RIBU JUTA. SEMENTARA JUMLAH HASIL MENINGKAT MENGIKUT KADAR PURATA YANG SAMA SEBANYAK 24 PERATUS SETAHUN KEPADA \$5.3 RIBU JUTA TAHUN LALU.

INI MELETAKKAN JUMLAH HARTA KEWANGAN KASAR BAGI BANK-BANK HAMPIR SEKALIGANDA DARIPADA PENDAPATAN NEGARA.

KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI BAGI BANK-BANK BERJUMLAH SEKALI GANDA DARIPADA \$342 JUTA DALAM TAHUN 1979 KEPADA HAMPIR \$700 JUTA DALAM TAHUN 1982. SEJAK TAHUN 1981, KEUNTUNGAN INI TELAH MENINGKAT, MENGIKUT KADAR TAHUNAN KIRA-KIRA 22 PERATUS.

PERDANA MENTERI BERKATA ALIRAN PERTUMBUHAN TURUT TERMIN DALAM KEUNTUNGAN TERKUMPUL DI KALANGAN SYARIKAT-SYARIKAT KEWANGAN DAN BANK-BANK SAUDAGAR, YANG MENINGKAT SEBANYAK 42 PERATUS DAN 45 PERATUS TAHUN LALU.

JUMLAH HARTA BAGI SEORANG PEKERJA TELAH BERTAMBAH HAMPIR 50 PERATUS IAITU \$1.7 JUTA TAHUN LALU, SEMENTARA HARTA PER RINGGIT KOS KAKITANGAN TELAH MENINGKAT SAEBANYAK 15 PERATUS BAGI TEMPOR YANG SAMA.

PERDANA MENTERI MENJELASKAN BAGAIMANAPUN SEKTOR BANK DI SAMPING BERUSAHA MENINGKATKAN DAYA PENGELUARAN IA JUGA JANGAN LIPAHAWA SISTEM URUSAN BANK ADALAH SATU SEKTOR PERKHIDMATAN, SALING MEMBANTU KEBAJIKAN PERLOMBONGAN, PENGILANGAN DAN PERTANIAN.

BELIAU JUGA MEMBERITAHU BANK-BANK BAHAWA PADA MASA AKANDATANG MEREKA AKAN DIPERLUKAN UNTUK MENILAI DAN MEMBIAYAI PROJEK-PROJEK YANG AGAK LUAR BIASA.

ANTARA LAIN BANK-BANK AKANDIMINTA MENYEDIKAKAN PEMBIAYAAN MODAL, SATU PERKARA BARU KEPADA KEBANYAKAN AHLI-AHLI BANK KERANA MEREKA TELAH DILATIH SECARA TRADISI BAHAWA URUS NIAGA BANK DOMESTIK MELIPUTI SOAL PENGHANTARAN WANG DAN MENYEDIKAKAN MODAL KERJA MELALUI KEMUDAHAN OVERDRAF. --BERNAMA